

Program Wacana Semasa disertai lebih 200 peserta

LEBIH 200 peserta menghadiri Program Wacana Semasa yang dianjurkan oleh Pejabat Mufti Labuan.


Para peserta yang hadir program tersebut terdiri daripada pegawai kerajaan dan swasta serta ahli jawatankuasa masjid.

Ketua Mufti Wilayah Persekutuan, **Sahibus Samaha Dr Luqman Abdullah** berkata, objektif program yang julung kali dibuat di Labuan oleh Pejabat Mufti Labuan adalah untuk memberikan pengetahuan fatwa-fatwa semasa kepada masyarakat.

"Kita telah memilih

beberapa tajuk dalam program ini antaranya berkaitan isu-isu semasa Syariah dan masjid.

"Kadar penyertaan bagi program ini amat baik walaupun ia merupakan kali pertama dianjurkan di Labuan dan lebih 200 peserta yang hadir pada hari ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Wacana Semasa di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan pada Khamis lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail. 



DR LUQMAN (kanan) meyerahkan cenderahati kepada Rithuan ketika Program Wacana Semasa.